

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

RPK 532 - Perancangan Pembangunan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Soalan Bahagian A Wajib dan pilih TIGA daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A (WAJIB)

1. Model perancangan pembangunan dapat menerangkan menjangkakan keadaan dan yang paling penting digunakan untuk menggubal dasar-dasar pembangunan.

Huraikan kekuatan dan kelemahan model perancangan pembangunan yang sering digunakan di negara yang mengamalkan perancangan pembangunan.

Terangkan faktor-faktor yang perlu diambil kira untuk memilih model-model yang sesuai.

(25 markah)

BAHAGIAN B

2. Proses perancangan pembangunan melalui beberapa tahap.

Huraikan tahap-tahap perancangan pembangunan dan terangkan masalah yang dihadapi pada tahap perancangan projek.

(25 markah)

3. Apakah yang dimaksudkan dengan kitaran projek?
Bincangkan kegiatan-kegiatan yang perlu dilaksanakan semasa merancang projek.

(25 markah)

...2/-

4. Kebanyakan Negara Dunia Ketiga mengamalkan perancangan pembangunan untuk melaksanakan falsafah pembangunan mereka.

Bincangkan faktor-faktor yang mendorong mereka untuk merancang pembangunan.

(25 markah)

5. Projek-projek pembangunan yang dihasilkan mempunyai kaitan yang rapat dengan masalah pembangunan yang ingin diselesaikan. Berpandukan contoh-contoh yang sesuai bincangkan kriteria-kriteria dan tindakan yang sesuai untuk memastikan projek berjaya menyelesaikan masalah yang dikenalpasti.

(25 markah)

6. Teori-teori pembangunan memainkan peranan yang penting di dalam proses menganalisis keadaan pembangunan di Negara Dunia Ketiga.

Terangkan dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai model, manakah yang dapat memberikan penerangan yang baik tentang kaedah pembangunan di Negara Dunia Ketiga.

(25 markah)

7. Bincangkan sebab-sebab berlakunya perubahan di dalam pemikiran tentang pembangunan di negara Dunia Ketiga. Gunakan contoh-contoh yang sesuai.

(25 markah)

-ooo00ooo-